

BERITA HARIAN

DATE: 11 / 11 / 2009

China utama kerjasama strategik

BH-11/11/09

Perkongsiian kepentingan mampu pererat hubungan dua hala KL-Beijing

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: China mahu mempereratkan hubungan dua halanya dengan Malaysia melalui perkongsiian kepentingan bersama untuk mewujudkan kerjasama strategik demi keamanan, kestabilan serta kemakmuran serantau.

Presidennya, Hu Jintao, dalam kenyataan rasmi sempena lawatan dua hari beliau ke sini bermula semalam, berkata China mengumpamakan Malaysia sebagai 'jiran' yang mesra berdasarkan persahabatan erat sejak 35 tahun lalu.

"Hubungan lebih tiga dekad ini menyaksikan perkembangan hubungan China-Malaysia yang lebih akrab dengan kekerapan kunjungan dua hala, baik antara kerajaan atau rakyat kedua-dua negara.

"Saya yakin pertukaran pandangan dengan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dapat memantapkan lagi hubungan China-Malaysia yang sedia ada selain meneroka bidang kerjasama baru.

"Kunjungan balas ini juga dapat membawa kerjasama

China-Malaysia pada satu peringkat baru yang lebih memanfaatkan kedua-dua negara," katanya.

Jintao adalah ketua negara China pertama melawat Malaysia dalam tempoh 15 tahun, walaupun pernah ke sini sebagai Timbalan Presiden pada 2002. Beliau menjadi Presiden China pada 2003.

Jintao melakukan lawatan kali pertama atas undangan Seri Paduka, kesinambungan tradisi pemimpin kanan China, kecuali bekas Pengerusi, Mao Zedong, yang menjadikan lawatan ke Malaysia satu kemestian.

Pemimpin berwawasan China, Deng Xiaoping, yang terkenal kerana memperkenalkan dasar 'pintu terbuka' dan reformasi ekonomi, berada di sini selaku Naib Presiden pada 1978; Presiden Yang Shangkun pada 1990 dan 1992 serta Presiden Jiang Zemin pada 1994.

Jintao tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 3.30 petang semalam bersama isteri, Liu Yongqing dengan diiringi kumpulan delegasi republik itu. Ketibaan mereka disambut Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat.

Beliau diberi penghorma-



NAJIB dan Jintao berbincang sesuatu ketika kunjungan hormat di Hotel Shangri-La, di Kuala Lumpur, semalam.

“Hubungan lebih tiga dekad ini saksikan perkembangan hubungan China-Malaysia lebih akrab dengan kekerapan kunjungan dua hala, baik antara kerajaan atau rakyat kedua-dua negara”

Hu Jintao
Presiden China

tan rasmi negara di Dataran Parlimen pada jam 4.30 petang dan disambut Seri Paduka dan Najib. Jintao kemudian memeriksa barisan kehormat Batalion Satu Rejimen Askar Melayu Diraja dengan kekuatan 103 anggota dan empat pegawai. Hadir sama, barisan menteri kabinet dan wakil kedutaan negara asing di Malaysia.

Beliau bersama isteri kemudian menerima kunjungan hormat Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang menghabiskan

kira-kira 30 minit di penghapannya di Hotel Shangri-La di sini.

Pasangan itu diraikan dalam satu majlis jamuan negara di Istana Negara, malam tadi. Hari ini, pemimpin China itu dijadual mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri di Putrajaya.

Beberapa memorandum persefahaman dijangka ditan-datangani, disusuli lawatan rombongan China ke Melaka pada jam 2 petang ini sebelum Jintao berlepas ke Singapura pada jam 4.30 petang ini.